**SIARAN MEDIA**
**PELANTIKAN PENGERUSI EKSEKUTIF**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA YANG BAHARU**

---

23 Jun 2023 (Jumaat) - KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XVI telah memperkenan melantik YBrs. Encik Rusli bin Jaafar sebagai Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang baharu berkuatkuasa pada 1 Jun 2023 hingga 31 Mei 2025. Pelantikan ini adalah selaras dengan Seksyen 11(3)(a) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665).

YBrs. Encik Rusli bin Jaafar telah berkhidmat di SKM selama 30 tahun bermula di Jabatan Pembangunan Koperasi lagi. Sepanjang tempoh tersebut beliau memegang jawatan sebagai pengarah di beberapa Bahagian Ibu Pejabat dan Negeri sehinggalah di peringkat Pengurusan Tertinggi SKM.

Penyampaian watikah pelantikan telah disempurnakan oleh YB Datuk Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Dengan pelantikan ini, Ahli Lembaga Pengarah dan seluruh warga kerja SKM mengucapkan tahniah.

**23 JUN 2023**
**UNIT HAL EHWAL ANTARABANGSA DAN KOMUNIKASI KORPORAT**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**